



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Disember 2024
11 Jumadilakhir 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Kerjasama perikanan laut Malaysia, Vietnam: Kabinet setuju tubuh jawatankuasa
Pahang Media [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernama	• Kabinet setuju bentuk jawatankuasa Kerjasama perikanan laut dalam Malaysia-Vietnam
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

Kerjasama perikanan laut Malaysia, Vietnam: Kabinet setuju tubuh jawatankuasa



PUTRAJAYA – Kabinet secara dasar bersetuju untuk membentuk satu jawatankuasa melibatkan kementerian dan agensi untuk merangka model kerjasama perikanan laut dalam antara Malaysia dan Vietnam, kata Menteri Dalam Negeri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, keputusan berkenaan susulan daripada hasil perjumpaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam, To Lam ketika lawatannya ke Malaysia pada November lepas.

Jelasnya, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meneroka kerjasama dalam industri perikanan dan maritim.

"Kabinet baru-baru ini telah membincangkan perkara ini hasil daripada idea kedua-dua pemimpin itu. Kemudian bersetuju secara dasar bahawa kita akan ada *cabinet committee* yang turut dianggotai Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi lain.

"Secara prinsipnya kita nak mencari kaedah model yang terbaik untuk membolehkan kedua-dua negara dapat berkongsi kepakaran, pengalaman (berhubung) teknologi

Kerjasama perikanan laut Malaysia, Vietnam: Kabinet setuju tubuh jawatankuasa

tangkapan ikan laut dalam. Kemudian kita akan dapat jalankan joint operation bagi membolehkan keuntungan itu dirasakan kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan KDN bagi bulan Disember di sini hari ini.

Hadir sama pada perjumpaan itu Ketua Setiausaha KDN, Datuk Awang Alik Jeman.

Saifuddin Nasution turut menyentuh mengenai model sedia ada dalam bidang perikanan iaitu kerjasama antara Maghribi dan Kesatuan Eropah (EU) menerusi perjanjian melibatkan hasil laut.

"Melalui tandatangan (kerjasama) ini, negara Sepanyol yang juga merupakan negara EU, sekarang dapat hasil laut di kawasan perairan milik Morroco, jadi *win-win* model itu," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut meminta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk terus meningkatkan kompetensi anggotanya dengan memperkukuhkan jaringan antarabangsa serta memperbaiki keupayaan aset bagi melindungi keselamatan dan kedaulatan sempadan laut negara.

Beliau berkata, selaku agensi yang memainkan peranan penting dalam mengawal kawasan perairan Malaysia yang hampir mencecah 590,000 kilometer persegi, beliau berkata, Maritim Malaysia berdepan dengan pelbagai ancaman termasuk kegiatan penyeludupan, pendatang tanpa izin serta pencerobohan kapal asing.

"..kerana sifat tugasnya yang begitu kompleks, Maritim Malaysia dengan kekuatan 5,400 anggota harus sentiasa meningkatkan kompetensi anggotanya. Yang kedua adalah terus menjalin hubungan kerja, jaringan kerja dengan agensi sama dari negara luar yang sekarang ini sudah berlangsung dengan baik.

"Kerana mengawal sempadan ini harus ada kerjasama dari sudut *capacity building* dan *intelligence sharing*," ujarnya.

Kerjasama perikanan laut Malaysia, Vietnam: Kabinet setuju tubuh jawatankuasa

Menerusi langkah yang diambil bagi meningkatkan keupayaan dan kerjasama antarabangsa, katanya, Malaysia diharapkan dapat mengurangkan ancaman terhadap kedaulatan perairannya dan memanfaatkan hasil laut secara lebih berkesan.

Tambah beliau KDN juga akan membantu Maritim Malaysia dari segi keupayaan aset termasuk memantau status kemajuan pembinaan dua lagi Kapal Peronda Luar Pesisir yang dijangka diterima dalam tempoh kurang dua tahun dari sekarang. –
MalaysiaGazette

KABINET SETUJU BENTUK JAWATANKUASA KERJASAMA PERIKANAN LAUT DALAM MALAYSIA-VIETNAM

🕒 12/12/2024 01:52 PM



PUTRAJAYA, 12 Dis (Bernama) Kabinet secara prinsip bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi bagi merangka model kerjasama perikanan laut dalam antara Malaysia dan Vietnam, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata keputusan ini adalah susulan perjumpaan antara Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam, To Lam, ketika lawatan beliau ke Malaysia pada November lepas. Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meneroka kerjasama dalam industri perikanan dan maritim.

"Kabinet baru-baru ini telah membincangkan perkara ini hasil daripada idea kedua-dua pemimpin tersebut. Setelah itu, kami secara dasar bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang turut melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, serta agensi-agensi lain," katanya

Menurut Saifuddin, secara prinsipnya, kerjasama ini bertujuan mencari kaedah model terbaik untuk membolehkan kedua-dua negara berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam teknologi tangkapan ikan laut dalam. Selain itu, kedua-dua pihak juga akan menjalankan operasi bersama bagi memastikan keuntungan dapat dinikmati oleh kedua-dua negara. Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan KDN di sini hari ini, yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KDN Datuk Awang Alik Jeman.

Saifuddin Nasution turut menyentuh mengenai model kerjasama perikanan antara Maghribi dan Kesatuan Eropah (EU), di mana Sepanyol sebagai negara EU kini memperoleh hasil laut dari kawasan perairan milik Maghribi, mencipta model kerjasama yang memberi manfaat dan keuntungan kepada semua pihak.

Beliau juga meminta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk terus memperkukuhkan kompetensi anggotanya, memperbaiki keupayaan aset, dan meningkatkan jaringan antarabangsa bagi melindungi keselamatan dan kedaulatan sempadan laut negara

Maritim Malaysia, yang mengawal hampir 500,000 kilometer persegi perairan, menghadapi ancaman seperti penyeludupan, pendatang tanpa izin, dan pencerobohan kapal asing kerana sifat tugasnya yang begitu kompleks, Maritim Malaysia yang memiliki 5,400 anggota perlu sentiasa meningkatkan kompetensi mereka. Selain itu, mereka juga harus terus menjalin hubungan dan jaringan kerja dengan agensi seumpama dari negara luar, yang kini telah berjalan dengan baik.

"Untuk mengawal sempadan ini, perlu ada kerjasama dalam aspek pembangunan kapasiti dan perkongsian maklumat risikan," katanya.

Dengan langkah yang diambil untuk meningkatkan keupayaan dan kerjasama antarabangsa, beliau berharap Malaysia dapat mengurangkan ancaman terhadap kedaulatan perairannya dan memanfaatkan hasil laut dengan lebih berkesan.

Beliau turut memaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan membantu Maritim Malaysia dalam meningkatkan keupayaan aset, termasuk memantau kemajuan pembinaan dua lagi Kapal Peronda Luar Pesisir (OPV) yang dijangka diterima dalam tempoh kurang dua tahun.

Pada April lepas, Saifuddin Nasution dilaporkan berkata anggaran tempoh tersebut mengambil kira perkembangan semasa (April) pembinaan OPV 2 yang sudah 75 peratus siap, manakala OPV 3 lebih daripada 50 peratus.

Untuk rekod, OPV 1KM (Kapal Maritim) kini ditempatkan di Sarawak bagi menangani isu keselamatan sempadan perairan negara selain berfungsi sebagai mothership kepada bot peranda Maritim Malaysia yang bertanggungjawab menjalankan rondaan dan pemantauan di kawasan tersebut.

BERNAMA